

28/01/1998

IPB utamakan pelajar tidak berkemampuan

Zabidi Hitam

PELAJAR miskin yang berkelayakan di negara ini yang berhasrat mengikuti kursus profesional boleh mengemukakan permohonan untuk memasuki Institut Profesional Baitulmal (IPB).

IPB yang dimiliki sepenuhnya oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) adalah antara institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang menawarkan kursus profesional kepada pelajar Bumiputera selain Institut Teknologi Mara (ITM).

IPB mengutamakan pelajar Islam yang kurang berkemampuan. Bagi pelajar yang menghadapi masalah kewangan, mereka akan ditawarkan bantuan dalam bentuk biasiswa daripada Yayasan Wilayah Persekutuan.

Ketika ini sebahagian besar pelajar IPB menerima biasiswa dari majlis Amanah Rakyat (Mara) dan MAIWP.

Dengan wujudnya IPB, pelajar Islam tidak perlu lagi menghabiskan wang ringgit untuk mengikuti kursus profesional di luar negara kerana kursus berkenaan boleh diperolehi dalam negara.

Pengerusinya, Tan Sri Hanafiah Ahmad, berkata pada dasarnya IPB mengutamakan pelajar Islam memasuki institut itu berikutan kurangnya bilangan profesional Islam sekarang ini. Bagaimanapun, IPB juga menerima pelajar bukan Islam.

Sebagai contoh, katanya beberapa pelajar Bumiputera di Sabah dan Sarawak turut diberi peluang mengikuti pelajaran di IPB.

IPB yang dibuka dengan rasminya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini dijangka mengeluarkan lebih 2,100 profesional Islam bersepadu, berkaliber dan berwibawa menjelang tahun 2000.

Kini, seramai 796 pelajar dengan 676 daripadanya mengikuti pelbagai kursus profesional manakala selebihnya menyertai program francais ITM.

Hanafiah berkata, perkembangan menggalakkan, dalam pendidikan sekarang serta kejatuhan nilai ringgit membolehkan lebih ramai pelajar Bumiputera memberi tumpuan di institusi pendidikan dalam negara termasuk IPB.

Katanya, peratusan rendah dalam kerjaya kesetiausahaan syarikat dan pentadbir korporat mendorong IPB menubuhkan institut berkenaan supaya lebih ramai lulusan di bidang itu dapat dilahirkan.

Menurut beliau, seseorang pelajar yang mengikuti kursus profesional seperti Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA), The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) dan The Chartered Institute of Management (CIMA) di luar negara terpaksa membelanjakan kira-kira RM80,000 berbanding RM10,000 di IPB.

"Ini adalah tawaran penjimatan supaya mereka yang ingin mengikuti kursus berkenaan mengalih haluan ke dalam negara khususnya IPB," katanya.

Beliau berkata, kursus profesional seperti LCCI adalah kursus perakaunan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, termasuk negara Komanwel.

Kursus ini terbahagi kepada dua iaitu berbentuk sijil dan diploma yang dikendalikan di United Kingdom.

Kursus ini dijalankan dalam bahasa Inggeris dengan jangka masa satu setengah tahun. Pelajar hanya perlu lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kepujian dalam Matematik, Bahasa Inggeris dan dua mata pelajaran lain.

Bagi kursus ICSA pula, ia menumpukan sepenuhnya dalam bidang kesetiausahaan syarikat, pentadbiran korporat dan pengurusan dengan memberi peluang kepada pemegang lulusan matrikulasi ICSA mengikuti kursus

berkenaan.

Selain itu, IPB juga menawarkan kursus dalam persijilan iaitu Certificate in Accounting (CIA) iaitu sijil yang menjadi syarat kemasukan ke kursus Profesional ACCA.

Bagi francais ITM, IPB menawarkan kursus diploma perakaunan, diploma pengajian perniagaan, pra perakaunan dan pra perdagangan.

Hanafiah berkata, berikutan pelbagai kemudahan yang wujud di IPB, pihaknya juga bercadang menawarkan kursus jangka pendek kepada kakitangan kerajaan dan orang ramai dalam bidang Teknologi Maklumat (IT).

Selain itu, menurut beliau, pihaknya tidak mengabaikan pengajaran Pengetahuan Agama islam kepada pelajar walaupun kursus yang ditawarkan bertaraf profesional.

(END)